
Terma & Syarat - Program : The Inspirer Bootcamp 7.0 (TIB 7.0)

- Sebahagian aktiviti dalam The Inspirer Bootcamp 7.0 melibatkan aktiviti outdoor. Peserta dinasihatkan untuk memastikan berada dalam keadaan sihat sebelum hadir. Sekiranya ada masalah kesihatan, sedang hamil atau dalam rawatan, sila rujuk doktor terlebih dahulu. Pihak kami tidak bertanggungjawab atas sebarang risiko atau kecederaan sepanjang program berlangsung.
- Pihak Secret Marketeer juga tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kecederaan, kehilangan, kerosakan harta benda atau apa-apa perkara yang mungkin berlaku berkaitan program ini semasa ia berlangsung.
- Peserta bertanggungjawab untuk menjaga keselamatan diri sendiri, harta benda dan lain-lain yang berkaitan dengan program ini termasuklah sebelum, semasa dan selepas program ini berlangsung.
- Terdapat pembayaran penuh dan pembayaran secara ansuran. Jika memilih pembayaran ansuran, terdapat 2 kali pembayaran sahaja. Pembayaran kali pertama hendaklah mengikut jumlah seperti yang diminta dan pembayaran akhir (baki bayaran) hendaklah selewat-lewatnya 10 hari sebelum program.
- Jika tidak dapat hadir atau lain-lain sebab, wang tidak akan dikembalikan atau dibatalkan, tiada gantian kelas, tiada rakaman kelas, tidak boleh ditukar dengan perkhidmatan SM yang lain serta tiada sebarang nota dan bahan-bahan kelas akan diberikan walaupun peserta tersebut telah membuat bayaran ansuran.
- Jika tidak dapat hadir, pihak kami membenarkan untuk tukar peserta lain tetapi hendaklah dimaklumkan kepada ADMIN selewat-lewatnya 5 hari sebelum tarikh program (jika dimaklumkan dalam tempoh 5 hari tersebut, berkemungkinan barang atau bahan tidak dapat diberikan kepada peserta lain itu kerana pihak kami akan membuat persediaan akhir program adalah 5 hari sebelum tarikh program).

-
- Bayaran yang diminta hanya untuk tiket masuk 2 hari kelas, 6 kali makan, buku nota, bahan pembelajaran, baju t-shirt, lanyard dan penginapan peserta sahaja. Bayaran ini tidak termasuk kos perjalanan dan lain-lain kos.
 - Semua bahan-bahan pembelajaran yang telah disediakan oleh pihak Secret Marketeer termasuklah *homework*, *slide*, nota dan sebagainya dalam kelas atau pemberian melalui *WhatsApp group support* khas atau pemberian melalui *WhatsApp Personal* daripada pihak Secret Marketeer kepada peserta adalah hak cipta pihak Secret Marketeer. Peserta tidak dibenarkan mengedar, mengubah, meniru atau menggunakan bahan-bahan tersebut untuk apa-apa tujuan sekalipun tanpa kebenaran daripada pihak Secret Marketeer.
 - Sebarang pemberitahuan, makluman dan peringatan termasuklah berkaitan program adalah melalui *WhatsApp group support* khas yang telah disediakan atau *WhatsApp Personal* daripada pihak Secret Marketeer. Peserta diminta untuk mengambil perhatian, mengambil maklum serta mengambil tindakan sewajarnya untuk sebarang mesej yang dihantar melalui *WhatsApp group support* khas atau *WhatsApp Personal* daripada pihak Secret Marketeer.
 - Pihak Secret Marketeer juga tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang hal-hal berkaitan peserta tidak mengambil perhatian, tidak mengambil maklum serta tidak mengambil tindakan sewajarnya terhadap sebarang mesej yang dihantar melalui *WhatsApp group support* khas atau *WhatsApp Personal* daripada pihak Secret Marketeer.
 - Sebarang persetujuan, penolakan atau keputusan yang dibuat adalah bercanggah dengan terma dan syarat ini hendaklah mengikut budi bicara daripada pihak Secret Marketeer sahaja.
 - Pihak Secret Marketeer berhak untuk mengubah atau menambah terma dan syarat ini pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu.
 - Peserta perlu memastikan mengambil perhatian, mengambil maklum serta membuat tindakan sewajarnya pada sebarang perubahan yang tertakluk dalam terma dan syarat ini dari semasa ke semasa.

- Setelah pembayaran dijelaskan, maka pendaftaran ke The Inspirer Bootcamp 7.0 telah dibuat.
- Setelah pembayaran dijelaskan, peserta dinasihati agar menyertai group WhatsApp rasmi.
- **Dengan mendaftar sebagai peserta, anda dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju dengan semua yang terkandung di dalam terma dan syarat ini.**